

National Institutes of Biotechnology Malaysia (NIBM) yang ditubuhkan pada 27 Januari 2012 adalah sebuah konsortium institut-institut bioteknologi kebangsaan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) beroperasi sebagai syarikat berhad dengan jaminan untuk menerajui penyelidikan, pembangunan, inovasi dan pengkomersilan bioteknologi moden di dorong industri masa kini dan masa hadapan bagi pembangunan ekonomi negara. Konsortium ini terdiri daripada tiga institut iaitu Institut Agro-Bioteknologi Malaysia (ABI) di Serdang, Selangor, Institut Farmaseutikal dan Nutraseutikal Malaysia (IPharm) di Gelugor, Pulau Pinang, dan Institut Genom Malaysia (MGI) di Bangi, Selangor. NIBM mempelawa individu yang berkelayakan, berpengalaman, dinamik, dan bersedia untuk bekerja kuat menyertai organisasi kami bagi jawatan seperti berikut:

Bil.	Jawatan	Kelayakan
1.	Eksekutif, Institut Agro-Bioteknologi Malaysia (ABI) (Jawatan Tetap)	<p>Mempunyai kebolehan seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Bertanggungjawab menyediakan bajet perbelanjaan mengurus tahunan institut, membuat perancangan perbelanjaan mengikut kod perbelanjaan (OS) dasar sedia ada dan unjuran tunai tahunan institut; 2. Bertanggungjawab menyemak dan memproses permohonan perolehan secara pembelian terus, sebut harga dan tender; 3. Menyediakan <i>Purchase Order</i> (PO) bagi pembelian terus, menyediakan Notis Iklan, Kertas Taklimat untuk kelulusan Lembaga Perolehan bagi sebut harga dan tender; 4. Menyediakan dokumen perjanjian kontrak bekalan/perkhidmatan dan Surat Setuju Terima (SST); 5. Bertanggungjawab sepenuhnya dalam urusan simpanan, pengeluaran dan pengurusan Wang Panjar serta menyediakan Baucer Bayaran Tunai; 6. Membantu dan memberi khidmat nasihat mengenai tatacara kewangan dan perolehan kepada kakitangan institut; 7. Mengurus, menyelia dan memantau urusan pembangunan institut; dan 8. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan dari masa ke semasa. <p>Kelayakan dan pengalaman:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Warganegara Malaysia; 2. Mempunyai Ijazah Sarjana Muda daripada institusi pengajian tinggi yang diiktiraf; dan 3. Memiliki pengalaman kerja dalam bidang perolehan dan kewangan merupakan satu kelebihan.

Calon-calon yang memenuhi keperluan dan syarat-syarat kelayakan yang tertera di atas dijemput menghantar *resume* yang lengkap dengan menyertakan butir-butir peribadi, kelayakan serta pengalaman, nombor telefon untuk dihubungi, salinan sijil-sijil berkaitan yang telah disahkan serta sekeping gambar berukuran passport (tidak dikembalikan) kepada:

**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA,
NATIONAL INSTITUTES OF BIOTECHNOLOGY MALAYSIA,**
Pejabat Pengurusan Korporat, Aras 2,
Kompleks Agro-Biotechnology Institute (ABI),
d/a Ibupejabat MARDI, 43400 Serdang, Selangor.
Tel : 03-8949 5648
Emel : recruitment@nibm.my

Hanya calon-calon yang disenarai pendek sahaja akan dihubungi.

Tarikh tutup permohonan : **6 Januari 2017**